Akta keganasan rumah tangga turut lindungi suami

Undang-undang iktiraf hak sama rata kecapi kehidupan aman, harmoni

DR MUZAFFAR SYAH MALLOW

Kes yang membabitkan keganasan rumah tangga adalah masalah yang hangat diperkatakan sejak akhir–akhir ini dan menjadi semakin serius. Ia bukan saja masalah yang melanda Malaysia, tetapi hampir semua negara di seluruh dunia tanpa mengira bangsa, agama, kaum, jantina, keturunan, atau kedudukan.

Kes keganasan rumah tangga adalah satu aspek kekejaman dalam rumah tangga itu sendiri. Kebiasaannya kekejaman ini berlaku satu hala dan dituruti oleh tindak balas yang lain. Kejadian ini juga dikatakan berlaku apabila seseorang individu telah menyalahgunakan atau menggunakan kuasa secara sewenangnya.

Tindak balas yang akan timbul hasil daripada penderaan ke atas pasangan masing-masing dan anak adalah tindakan secara fizikal seperti memukul, menampar, membaling dengan menggunakan sesuatu, menendang, menolak atau menggunakan senjata seperti pisau, kayu, senapang, botol atau menggunakan sesuatu dengan tujuan untuk mencederakan atau menyakitkan pihak yang disasarkannya.

Rohani Abdul Karim

Penderaan dalam bentuk lisan

Selain itu, terdapat juga kes yang membabitkan penderaan dalam bentuk lisan dan meninggalkan kesan mendalam terhadap emosi mangsa seperti mencaci, mengeluarkan kata-kata kesat dan tidak sedap didengar, mengejek, mencerca, dan pelbagai lagi.

Maksud perkataan 'keganasan rumah tangga' mengikut tafsiran Seksyen 2 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) bermaksud satu perlakuan, satu perbuatan atau lebih yang berikut:

(a) Secara sengaja atau dengan disedarinya meletakkan, atau cuba meletakkan mangsa itu dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;

(b) Menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan sesuatu perbuatan diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;

(c) Memaksa mangsa dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual ataupun selainnya, yang mangsa itu berhak tidak melakukan;

(d) Mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa itu;

(e) Melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa itu;

(f) Menyebabkan penderaan psikologi termasuk kecederaan emosi kepada mangsa;

(g) Menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa kerelaan mangsa atau jika kerelaan diberikan, kerelaan itu diperoleh dengan cara yang menyalahi undang-undang; atau

(h) Dalam hal jika mangsa adalah kanak-kanak, menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain.

Perlu diingatkan, jenayah keganasan rumah tangga bukanlah hanya perlakuan salah yang berlaku terhadap kaum wanita sahaja.

Walaupun, peratusan tinggi mereka yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga, terdapat juga beberapa pihak dalam keluarga turut menjadi mangsa keganasan iaitu kaum lelaki/suami, kanak-kanak, warga tua, atau ahli keluarga yang lain.

Semua mereka yang berada dalam sesebuah keluarga boleh menjadi mangsa keganasan rumah tangga jika mereka didera oleh ahli keluarga yang lain.

Bagi sesetengah masyarakat, keganasan rumah tangga terhadap suami atau kaum lelaki adalah yang terlalu asing. Jarang didengar atau dilaporkan di media massa. Penderaan terhadap suami juga dianggap bahan jenaka jika diperkatakan secara umum.

Jumlah kes dilaporkan kecil

Kejadian keganasan rumah tangga terhadap suami mula diperkatakan pada awal tahun 1970-an di negara Barat. Melihat kepada kes penderaan terhadap suami di Malaysia, jumlah kes yang dilaporkan adalah kecil, tetapi ia tidak bermakna isu berkenaan tidak serius. Sejak tahun 2008, sebanyak 332 kes keganasan rumah tangga terhadap suami dilaporkan berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Rohani Abdul Karim, pernah mendedahkan perangkaan itu dalam jawapan bertulis di Parlimen pada tahun lalu yang mana jumlah kes keganasan rumah tangga terhadap suami dari tahun 2008 hingga Julai 2013 adalah sebanyak 332 kes dan jumlah kes tertinggi dicatatkan pada tahun 2008 dengan sekitar 107 kes.

Antara ***keratan akhbar mengenai keganasan rumah tangga.***

FAKTA NOMBOR

332 kes
keganasan rumah tangga terhadap suami dari tahun 2008 hingga Julai 2013

107 kes
keganasan rumah tangga terhadap suami pada tahun 2008

Beliau menegaskan setiap kes keganasan rumah tangga termasuk terhadap suami adalah dilindungi di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521).

Terdapat dua kategori pampasan ataupun remedi yang boleh dimohon iaitu remedi sivil dan remedi jenayah. Remedi sivil ini boleh dimohon daripada mahkamah bagi tujuan mengelak pelaku keganasan berkenaan daripada terus mencederakan mangsa ataupun bagi menuntut ganti rugi daripada pelaku keganasan itu kerana kerosakan atau kecederaan dialaminya.

Remedi jenayah pula dimohon apabila laporan dibuat kepada pihak polis. Tujuan permohonan remedi ini supaya pelaku keganasan dihukum mahkamah sama ada dengan cara denda, penjara atau kedua-duanya sekali.

Kebanyakan mangsa penderaan terutama yang membabitkan suami ini tidak tampil ke hadapan untuk melaporkan penderaan ataupun keganasan yang dilakukan terhadap mereka. Mereka ingin mengelak daripada dipandang rendah oleh masyarakat umum.

Penderaan terhadap suami sama terhadap isteri

Kesimpulannya, penderaan terhadap suami adalah sama seperti penderaan terhadap isteri. Kewujudan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) antara usaha menangani masalah keganasan rumah tangga di negara kita.

Akta Keganasan Rumah Tangga ini telah diluluskan Parlimen pada tahun 1994. Ia mengenal pasti keganasan dalam sebuah rumah tangga sebagai masalah sosial yang serius dan mesti ditangani.

Keganasan rumah tangga bukan masalah peribadi keluarga. Kewujudan undang-undang untuk membendung keganasan dalam keluarga ini adalah satu pengiktirafan kepada bukan sahaja khusus kepada kaum wanita, malahan kepada kaum lelaki, kanak-kanak, warga tua dan sebagainya.

Pada masa sama ia turut mengiktiraf hak semua untuk mengecapi kehidupan berkeluarga yang lebih bermaruah, aman dan harmoni.